

Dr. M tolak timbangan ke 2

KUALA LUMPUR, 22 Ogos 1981
Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak tuntutan Pergerakan Pemuda MCA supaya melantik seorang Timbalan Perdana Menteri kedua dari wakil MCA di samping menganggap sebagai 'tidak perlu dibangkitkan'.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid bin Megat Ayub berkata, Perdana Menteri menegaskan bahawa tuntutan Pemuda MCA itu tidak dapat dipertimbangkan sekarang.

"Perdana Menteri telah menghuraikan sebab-sebab mengapa penolakan tersebut di samping menegaskan semula apa yang diperkatakan semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Agung MCA tempoh hari," katanya kepada pemberita selepas pertemuan selama tiga jam antara Datuk Seri Dr. Mahathir dan perwakilan MCA seramai 42 orang lewat petang ini.

Perwakilan MCA tersebut diketuai oleh Datuk Lee Kim Sai yang juga Ketua Pergerakan

Oleh JAMALUDIN BAKAR

Pemuda MCA.

Pemuda MCA telah menghantar sebuah memorandum menuntut Perdana Menteri melantik TPM Kedua dari MCA dan juga menimbulkan masalah pegawai daerah dan penolongnya, sijil kewarganegaraan, masalah imigran asing, isteri warga asing dan juga program radio dan televisyen Malaysia.

Ambil perhatian

Megat Junid menegaskan, Perdana Menteri menganggap isu perlintakan Timbalan Perdana Menteri Kedua tidak timbul sekarang ini.

Mengenai masalah lain termasuk melantik pegawai daerah dan penolong pegawai daerah dari keturunan China, sijil kewarganegaraan, masalah imigran asing, isteri warga asing, Setiausaha Politik Perdana Menteri itu berkata:

"Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau akan mengambil perhatian."

Pergerakan Pemuda MCA dalam memorandumnya mahu kerajaan melantik pegawai daerah dan penolongnya terdiri dari keturunan Cina yang mana katanya setakat ini tiada seorang pun keturunan Cina yang memegang jawatan itu.

Mengenai imigran asing yang Pemuda MCA mendakwa seramai 300,000 dari Indonesia dan Filipina mesti dikurangkan dan mereka yang tidak diingini diusir terus ke negara asalnya.

Mereka mendakwa imigran ini telah menggugat kesejahteraan sosial dan keselamatan penduduk tempatan kerana melakukan jenayah.

Mengenai desakan supaya RTM menggunakan lebih banyak bahasa Mandarin atau dialek-dialek Cina lain, Megat Junid berkata: "Perdana Menteri menyatakan perkara tersebut akan disampaikan kepada Menteri Penerangan untuk dibincangkan selanjutnya."

Sementara itu, Datuk Lee Kim Sai memberitahu pemberita bahawa mereka puashati dengan dialog yang diadakan tersebut.

Katanya, Pergerakan Pemuda MCA puashati dengan alasan yang diberi oleh Perdana Menteri berhubung dengan tuntutan perlintakan Timbalan Perdana Menteri Kedua.

"Memandangkan kedua belah pihak mempunyai masalah politik masing-masing maka Pemuda MCA menerima kenyataan Perdana Menteri itu bahawa isu tersebut tidak dapat dipertimbangkan sekarang," katanya.

Ditanya sama ada Pemuda MCA akan membangkitkan isu ini dalam Perhimpunan Agungnya tahun depan, Datuk Lee berkata: "Tunggulah dalam perhimpunan agung akan datang."

Beliau enggan memberi komen selanjutnya bila ditanya sama ada Pemuda MCA akan menimbulkan isu ini kembali akan datang memandangkan kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir tersebut.

Datuk Lee juga menerangkan bahawa beliau puashati dengan dialog tersebut dan menganggap sebagai paling berjaya.